

Perlu fikirkan cara lain capai pertumbuhan ekonomi

# Jangan harapkan komoditi utama sahaja: PM

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pergantungan Malaysia ke atas komoditi utamanya masih tidak mencukupi walaupun langkah mempelbagaikan dalam sektor itu mencapai tahap paling tinggi.

Perdana Menteri berkata, kelemahan-kelemahan juga semakin ketara dalam perjanjian-perjanjian komoditi antarabangsa menyebabkan faedah yang diterima oleh negara yang menyertainya adalah kecil, berbanding sumbangan yang diberikan.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan ucapan dasar merasmikan Seminar Kebangsaan Barangan Utama anjuran Kementerian Perusahaan Utama di sini hari ini.

Seminar empat hari anjuran kementerian itu bertujuan mengkaji dan membuat analisa serta meninjau kejayaan sektor komoditi negara di masa lalu dan akan datang.

Perdana Menteri berkata, langkah mempelbagaikan sektor itu tidak melepaskan negara daripada cengkaman kejatuhan harga komoditi yang melanda dunia dan oleh itu cara lain perlu diambil.

"Kita perlu memikirkan langkah-langkah lain untuk mencapai pertumbuhan dan kestabilan ekonomi. Penggantungan kita kepada sektor itu masih tidak mencukupi walaupun langkah-langkah mempelbagaikannya dilaksanakan," kata Datuk Seri Dr Mahathir.

## Perubahan

Turut serta di majlis itu ialah menteri kementerian berkenaan, Datuk Paul Leong Khee Seong dan timbalannya, Datuk Megat Junid Megat Ayub.

Menurut Perdana Menteri, apa yang dihadapi oleh Malaysia kini bukanlah satu perubahan pusingan yang biasa dihadapi oleh sektor itu seperti penawaran melebihi permintaan, tetapi perubahan di segi struk-

tur.

Datuk Seri Dr Mahathir menegur beberapa negara yang enggan dan begitu berkeras untuk menyertai perjanjian komoditi antarabangsa, sementara yang lainnya tidak mengambil endah dan tidak mematuhi apabila kena pada mereka sendiri.

"Oleh itu, kelemahan-kelemahan yang ketara banyak berlaku dalam perjanjian-perjanjian komoditi antarabangsa," katanya.

Tambah beliau, kejayaan memulihkan pasaran bukan bergantung kepada perjanjian atau stok penimbal, tetapi ke atas kos pengeluaran, sumber bahan atau bergantung kepada kehendak alam.

"Apa yang berlaku kini sebahagiannya adalah disebabkan pelbagai percubaan yang tidak kena untuk memperbaiki pasaran komoditi. Pelbagai perjanjian komoditi dan stok penimbal dibuat bagi menghadapi perubahan pusingan harga, tetapi kosnya adalah tinggi berbanding kejayaannya yang terhad," tegas beliau.

Perdana Menteri membidas sebuah negara yang bukan sahaja mengancam harga dengan melepaskan stok penimbal, tetapi juga mengancam: menggantungnya.

"Usaha-usaha diplomatik sangat diperlu-

kan untuk mengurangkan ancaman stok penimbal pengguna-pengguna kepada pengeluaran," kata beliau.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, negara-negara pengguna utama bukan sahaja mengaut semua keuntungan, tetapi juga menimbulkan pelbagai spekulasi yang memberi kesan kepada pengeluaran.

"Pasaran di negara itu atau ahli spekulasi tidak langsung memikirkan nasib pengeluaran, tetapi hanya membolot wang sebanyak mungkin dan kaya cepat," tegas beliau.

Tambahnya, keutamaan dan kepentingan hanya diutamakan untuk satu pihak sahaja, dan jika didapati keutamaan itu akan terjejas, peraturan itu serta merta ditukar semata-mata menyelamatkan kedudukan mereka.

"Jelaslah pelbagai masalah berlaku dalam dagangan komoditi. Jika kita akan meneruskan eksport dan pengeluaran komoditi, masalah ini perlu difahami dan mengambil langkah memperbaikinya.

"Menunggu begitu sahaja untuk ia pulih seperti biasa tidak mencukupi. Bagi beberapa jenis komoditi, kejayaannya telah berlalu dan bagi jenis lain, ancaman akan terus wujud sehingga ia turut runtuh," kata beliau.